

UCAPAN PENERUS

YANG MULIA

AWANG WARDI BIN HAJI MOHAMMAD ALI

PEGAWAI PENTADBIR KANAN

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

DI MAJLIS PENGHARGAAN

PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN KHEDN DAN JABATAN-JABATAN

DIBAWAHNYA YANG BERSARA BAGI TAHUN 2010/2011

PADA

HARI KHAMIS

02 RABIULAWAL 1433

BERSAMAAN 26 JANUARI 2012

BERTEMPAT DI

SURAU DAN TINGKAT 6

BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JALAN JAMES PEARCE

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat,

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Selaku Tetamu Kehormat Majlis

Yang DiMuliakan,

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia, Dato Paduka Haji Abdul Majid bin Mangarshah, dan

Yang Mulia, Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin,

Setiausaha Tetap- Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia, Awang Roslan bin Haji Taja'ah, dan

Yang Mulia, Ustaz Haji Ismail bin Haji Abdul Manaf, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian,

Yang Berbahgia,

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang bersara tahun 2010 dan 2011 yang kita diraikan di Majlis pagi ini, serta Para Hadirin dan Hadirat yang peramba/kaola/saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat, taufik serta izin-Nya jua kita dapat sama-sama hadir di majlis yang penuh keberkatan ini yang mana khusus kita adakan bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang bersara bagi tahun 2010 dan 2011. Salawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu peramba/kaola/saya bagi mewakili ahli Jawatankuasa Kerja Majlis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diatas kehadiran Yang Berhormat, Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Tetamu Kehormat Majlis Penghargaan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang bersara bagi Tahun 2010 dan 2011 yang nantinya juga akan memberikan ucapan

dan seterusnya berkesudian menyampaikan sijil-sijil Perkhidmatan dan Penghargaan serta Cenderahati kenang-kenangan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang diraikan.

Setentunya kehadiran Yang Berhormat Pehin, begitu juga kehadiran Yang Dimuliakan Pehin Timbalan Menteri beserta Yang Mulia Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan para jemputan khas sekalian, jelas menggambarkan betapa Kementerian ini sentiasa mengamalkan sikap prihatin dan memedulikan pegawai dan kakitangan Kementerian ini dan Jabatan-Jabatan dibawahnya tanpa mengambil kira sama ada yang masih berkhidmat mahupun yang telah bersara dari perkhidmatan.

Apatah lagi atas nasihat dan saran baik pihak pengurusan Eksekutif Kementerian ini, format aturcara majlis tahun ini turut kita selajurkan dengan Majlis Bertahlil seperti yang telah kita adakan tadi, yang mana kita khusus buat rakan dan sahabat-sahabat kita selaku Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang telah mendahului kita. Semoga Allah Ta'ala mencucuri rahmat dan keampunan keatas mereka dan kita sekalian. Amin ya rabal alamin.

Untuk makluman Yang Berhormat Pehin serta para Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian, adapun seramai 45 orang pegawai dan kakitangan Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya diraikan di Majlis Penghargaan pagi ini. Dari jumlah tersebut, seramai 40 orang adalah terdiri dari pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam kementerian ini yang bersara mulai 01 Oktober 2010 hingga 30 September 2010 dan selebihnya 5 orang adalah warga Kementerian ini, iaitu terdiri dari Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penjara yang bersara mulai 01 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011.

Seterusnya melihat kepada pecahan senarai pegawai dan kakitangan yang bersara tahun ini mengikut bahagian atau *division*, 6 orang merupakan pemegang jawatan Bahagian I, 3 orang dalam jawatan Bahagian 2, 19 jawatan Bahagian 3, 14 orang dalam jawatan Bahagian 4 dan selebihnya 3 jawatan Bahagian 5. Menilai secara menyeluruh peringkat pegawai dan kakitangan yang bersara tahun ini sama ada di peringkat Kementerian mahupun peringkat Jabatan, lebih 50 peratus dari senarai yang bersara adalah diperingkat pengurusan atas dan pertengahan. Dan jika kaedah pengurusan seperti perancangan penggantian (*succession planning*) dan perancangan sumber manusia (*human resource*

planning) untuk menyediakan pelapis-pelapis jangka panjang tidak dilaksanakan, setentunya ini boleh menyebabkan kepincangan dari segi pentadbiran dan pengurusan satu-satu bahagian mahupun Jabatan berkenaan. Dari itu, adalah perlu untuk menyediakan rangka perancangan kakitangan lebih awal bagi menangani masalah seumpama ini.

Sebelum mengakhiri ucapan aluan-aluan ini, sukacita peramba/kaola/saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diatas kehadiran Yang Berhormat Pehin Menteri selaku tetamu kehormat majlis ke majlis pagi ini. Ucapan Penghargaan dan terima kasih ini juga tidak lupa ditujukan kepada semua jemputan yang hadir serta semua ahli Jawatankuasa Majlis dan pihak-pihak yang terlibat bagi sama-sama menjayakan Majlis Penghargaan ini. Kita sama-sama berdoa semoga Allah Subahanahu Wataala menerima amal baik yang diberikan dan memberi ganjaran pahala yang berlipat ganda. Amin ya rabbal alamin.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.